

# Saranan kepada syarikat keluarga

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyarankan syarikat persendirian dan perniagaan milik keluarga supaya menyenaraikan saham syarikat mereka di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) untuk memastikan keupayaan perusahaan bertahan selepas pengasasnya meninggal dunia.

"Jika syarikat dan perusahaan ingin memastikan keupayaannya bertahan selepas pengasasnya meninggal dunia, mereka perlu menukarkan kedudukannya kepada syarikat milik awam dan melantik bebe-

rapa kakitangan pengurusan profesional," katanya.

Beliau bagaimanapun, mengingatkan langkah itu perlu dilaksanakan sebelum pengasas syarikatnya meninggal dunia.

Katanya, jumlah syarikat persendirian dan perniagaan milik keluarga masih rendah walaupun BSKL memperkenalkan terbitan saham di papan kedua tahun lalu.

Perdana Menteri berkata penubuhan papan kedua BSKL bertujuan membolehkan syarikat kecil yang berpotensi mengumpul saham mereka supaya kedudukannya lebih ku-

ruh pada masa hadapan.

"Sejak papan kedua BSKL dilancarkan, hanya 10 syarikat seumpama itu menyenaraikan saham mereka," katanya sewaktu berucap merasmikan Konvensyen dan Ekspo - Peluang-Peluang Pertumbuhan Modal di Malaysia, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Konvensyen dan ekspo kali pertama selama lima hari itu dianjurkan bersama oleh BSKL dan akhbar Business Times.

Ia disertai oleh 200 syarikat yang terbabit dengan BSKL, termasuk 60 peserta asing.